

Rabu – 25 November 2020

Halaman : 2

Anak imbau percutian terakhir mendiang bersama keluarga

JEMPOL – Anak mendiang Koperal Baharuddin Ramli memberitahu bapanya akan memaklumkan kepada keluarga sekiranya dia mempunyai tugas di pos sempadan, namun tidak berbuat demikian semalam.

Dian, 29, berkata, kali terakhir dia berjumpa dengan bapanya pada bulan lalu selepas lelaki itu pulang ke kampung untuk bercuti selama tiga minggu.

“Masa itu (Oktober) dia balik seorang diri dan kami sempat makan tengah hari bersama.

“Biasanya, sekiranya ada tu-

gasan luar ayah akan beritahu. Setiap kali menyertai operasi ayah akan pesan supaya menjaga kebunnya, tetapi pada kali ini tiada pesanan daripadanya,” katanya ketika ditemui di Kampung Orang Asli Sungai Sampo, Air Hitam di sini semalam.

Baharuddin, 54, yang merupakan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) maut selepas terkena tembakan yang dilepaskan penyeludup ketika bertugas di pos sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar.

Dalam kejadian itu, rakan

mangsa, Koperal Norihan Tari, 39, parah dan dirawat di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar.

Sementara itu, bapa Baharuddin, Ramli Derus, 75, memberitahu, dia mengetahui kejadian itu daripada anak sulungnya kira-kira sejam setengah selepas kejadian serangan tersebut.

“Dia ada beritahu terlibat dalam operasi selama sebulan bermula 1 November lalu.

“Tiga hari lalu, dia menelefon saya bertanyakan khabar. Perbualan kami tidak lama lebih kurang lima minit sahaja,” katanya.



DIAN (kiri) menunjukkan gambar bapanya yang terkorban dalam kejadian berbalas tembakan ketika ditemui di rumahnya di Kampung Orang Asli Sungai Sampo, Air Hitam, Jempol semalam.